

## TERMA DAN SYARAT AKAUN SIMPANAN-i QARD

### 1.0 DEFINISI

Di dalam terma-terma dan syarat-syarat ini, melainkan jika diperuntukkan sebaliknya, perkataan-perkataan berikut hendaklah mempunyai erti seperti yang dinyatakan di bawah: "Akaun Simpanan-i Qard / ASQ" bermaksud produk Akaun Simpanan ini yang ditawarkan oleh CBP berdasarkan prinsip Qard. "CBP" bermaksud Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad, sebuah Co-opbank yang diperbadankan di Malaysia dengan pejabat berdaftar di 36, Tingkat 3, Menara RKT, Jalan Raja Abdullah, Off Jalan Sultan Ismail, 50300 Kuala Lumpur.

### 2.0 PRINSIP SHARIAH

2.1 Co-opbank Pertama ("CBP") akan menerima jumlah wang yang didepositkan dan apa-apa jumlah wang yang akan didepositkan seterusnya oleh pendeposit / penyimpan dalam ASQ berdasarkan prinsip Syariah Qard.

### 3.0 QARD

3.1 Pendeposit hendaklah memberi persetujuan kepada CBP untuk berurusan dengan keseluruhan atau mana-mana baki di dalam akaun dengan cara yang difikirkan sesuai oleh CBP. Sebarang keuntungan yang diperolehi oleh CBP daripada penggunaan dana adalah kepunyaan CBP. CBP tidak bertanggungjawab untuk membayar pulangan (Hibah) kepada Pendeposit dan Pendeposit tidak berhak menuntut sebarang pulangan (Hibah) daripada ASQ. Tertakluk kepada syarat-syarat Perjanjian ini, CBP menjamin pembayaran keseluruhan yang ada di dalam akaun Pendeposit apabila dituntut.

### 4.0 PEMBUKAAN AKAUN

4.1 CBP mempunyai hak untuk menetapkan dan mengubah, dari semasa ke semasa, jumlah deposit minimum yang diperlukan untuk membuka akaun. Pendeposit juga dikehendaki mengekalkan baki minimum seperti yang dinyatakan oleh CBP dari masa ke semasa. 4.2 Sebarang permohonan untuk membuka ASQ hendaklah dibuat dengan menggunakan borang yang telah ditetapkan bersama-sama dengan dokumen-dokumen yang berkaitan sebagaimana yang diminta oleh CBP. 4.3 Warganegara dan Penduduk Tetap Malaysia, samada Anggota atau bukan Anggota, boleh membuka satu (1) ASQ sahaja. Kelayakan ini hanya terpakai kepada Pendeposit yang membuka akaun secara individu atau akaun bersama. Akaun ASQ bagi tujuan akaun sekuriti hanya dibenarkan membuka ASQ bersama CBP. 4.4 Individu yang telah mencapai usia sekurang-kurangnya 18 tahun layak untuk membuka ASQ secara individu atau bersama. Bagi ASQ, tiada had umur minima mahupun maksima bagi pembukaan akaun individu. 4.5 CBP diberi kuasa untuk bertindak atas semua arahan yang diberikan mengikut arahan penandatangan yang dinyatakan dalam borang pembukaan akaun dan Kad Tandatangan Spesimen (atau sebaliknya disediakan kepada dan diterima oleh CBP). Jika sebarang arahan tidak jelas atau CBP menerima arahan yang bertentangan, CBP boleh memilih untuk tidak bertindak atas apa-apa arahan sehingga konflik telah diselesaikan berdasarkan kepada kepuasan CBP. Pendeposit dikehendaki menggunakan gaya tandatangan yang sama pada semua arahan pengeluaran, cek, surat dan lain-lain seperti yang terdapat pada borang pembukaan akaun atau kad spesimen. 4.6 Pendeposit adalah dinasihat untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat yang sedia ada di dalam laman sesawang kami [www.cbp.com.my](http://www.cbp.com.my) sebelum bersetuju untuk melanggar mana-mana produk atau perkhidmatan dan/atau mengambil bahagian di dalam mana-mana kumpen dan promosi kami. 4.7 Penerimaan dan penerusan ASQ adalah tertakluk sepenuhnya di atas budibicara CBP.

### 5.0 AKAUN BERSAMA

Terma-terma dan syarat-syarat yang berikut terpakai bagi suatu akaun bersama:

a) liabiliti pemegang akaun bersama kepada CBP adalah secara bersama dan berasingan; b) jika salah seorang daripada pemegang akaun bersama meninggal dunia atau menjadi tidak solven/muflis, pemegang akaun yang masih hidup / solven secara langsung menjadi pemegang amanah untuk bahagian si mati / tidak solven terhadap baki di dalam akaun dan pihak CBP berhak untuk terus bertindak mengikut arahan yang ditandatangani oleh pemegang akaun yang masih hidup / solven tersebut, tanpa apa-apa liabiliti kepada pemegang akaun atau waris kepada pemegang akaun bersama; c) sekiranya pihak CBP menerima apa-apa arahan tidak jelas atau bercanggah dari pemegang akaun bersama, pihak CBP berhak untuk tidak bertindak dengan apa-apa atau kedua-dua arahan atau CBP berhak untuk bertindak sebagaimana yang difikirkannya patut, tanpa apa-apa liabiliti kepada mana-mana pemegang akaun bersama. d) apa-apa pindaan kepada mandat memerlukan tandatangan daripada pemegang akaun bersama. Sebarang permintaan untuk menutup akaun akan dianggap sebagai sah dan boleh diterima oleh CBP jika ia ditandatangani oleh semua pemegang akaun bersama.

### 6.0 AKAUN PERKONGSIAN

Terma-terma dan syarat-syarat yang berikut terpakai bagi suatu perkongsian:

a) Liabiliti pemegang akaun bersama kepada CBP adalah secara bersama dan berasingan; b) Jika salah seorang daripada rakan kongsi kepada perkongsian meninggal dunia atau menjadi tidak solven atau firma dibubarkan dengan atau tanpa sebab, baki jumlah di dalam akaun perkongsian Pendeposit akan dibahagikan mengikut perjanjian perkongsian oleh rakan kongsi (iaitu perjanjian perkongsian yang berada di dalam simpanan pihak CBP) atau sekiranya tiada perjanjian perkongsian dimasuki, dibahagikan secara sama rata atau mengikut pembahagian yang dinyatakan di dalam perintah Mahkamah atau badan yang berkuasa bagi urusan pembahagian atau mengikut budibicara pihak CBP adalah patut dibayar mengikut sebarang pecahan yang dirasakan sesuai kepada rakan kongsi yang masih hidup sebagai pemegang amanah untuk waris si mati dan juga tertakluk kepada polisi semasa pihak CBP. c) Apa-apa arahan yang diberikan untuk pengoperasian akaun perkongsian akan kekal berkuatkuasa sehingga ianya dibatalkan secara bertulis tanpa

## TERMA DAN SYARAT AKAUN SIMPANAN-i QARD

mengambil kira sebarang perubahan dalam perlombagaan atau nama firma dan adalah terpakai tanpa mengambil kira perubahan dalam keahlian firma samada akibat kematian, kebankrapan dan persaraan atau dengan kemasukan rakan kongsi yang baru. d) Sekiranya pihak CBP menerima apa-apa arahan tidak jelas atau bercanggah daripada mana-mana Pendeposit atau penandatangan sah akaun tersebut, pihak CBP berhak untuk bertindak sebagaimana yang difikirkannya patut atau tidak bertindak terhadap mana-mana arahan, tanpa sebarang liabiliti kepada mana-mana rakan kongsi dan/atau penandatangan sah akaun perkongsian tersebut. e) Melainkan dipersetujui sebaliknya oleh kesemua rakan kongsi, sebarang pindaan kepada mandat memerlukan tandatangan daripada semua rakan kongsi. Sebarang permintaan untuk menutup akaun akan dianggap sebagai sah dan boleh diterima oleh CBP jika ia ditandatangani oleh semua rakan kongsi.

### 7.0 TRANSAKSI KHAS BERKENAAN AKAUN SIMPANAN-i QARD

7.1 Pendeposit dibenarkan untuk menjalankan sejumlah urus niaga bulanan di mana tiada yuran dan caj akan dikenakan kecuali untuk transaksi yang dikenalpasti oleh CBP termasuk dalam perkara yang dikenakan caj sepertimana yang dipaparkan dalam notis fi dan caj di laman sesawang CBP di [www.cbp.com.my](http://www.cbp.com.my) dari masa ke semasa. 7.3 Kemudahan overdraf tidak dibenarkan.

### 8.0 DEPOSIT

8.1 Deposit boleh dimasukkan ke dalam akaun dengan atau tanpa buku simpanan. 8.2 Deposit antara cawangan adalah dibenarkan tertakluk kepada caj yang ditetapkan, jika ada. 8.3 Penerimaan cek dan instrumen kewangan lain bagi transaksi kredit adalah tertakluk kepada budibicara CBP. 8.4 Cek dan instrumen kewangan lain yang dideposit dan selepas itu tidak diterima, perlu diambil semula oleh Pendeposit dalam tempoh masa sah cek. Cek yang tidak diambil oleh Pendeposit akan disimpan sehingga 7 tahun sebelum dilupuskan.

### 9.0 PENGELUARAN

9.1 Sebarang pengeluaran yang ingin dibuat daripada akaun yang berkenaan boleh dilakukan dengan buku atau tanpa buku tertakluk kepada sebarang keperluan CBP dan/atau tertakluk kepada amalan CBP yang berkuat kuasa, dan/atau tertakluk kepada bukti pengenalan diri dan verifikasi biometrik seperti yang dikehendaki oleh CBP. 9.2 Pengeluaran antara cawangan dibenarkan tertakluk kepada had dan caj yang ditetapkan, jika ada, sebagaimana yang ditentukan oleh CBP. 9.3 Pendeposit perlu mengekalkan baki minimum dan sebarang pengeluaran di bawah baki minimum tidak boleh dilakukan melainkan akaun tersebut ditutup.

### 10.0 YURAN DAN CAJ

10.1 Melainkan diterangkan secara nyata, Pendeposit bersetuju bahawa CBP berhak untuk mengenakan bayaran yuran atau caj bagi sebarang perkhidmatan yang diberikan kepada Pendeposit pada kadar yang ditentukan oleh CBP (seperti mana yang diluluskan oleh SKM) dan seperti yang dinyatakan di laman web CBP. Pihak CBP berhak untuk mendebit akaun Pendeposit bagi tujuan caj tersebut.

10.2 Yuran-yuran/caj-caj yang dikenakan adalah termasuk cukai yang ditetapkan oleh kerajaan (jika ada) yang mana berkenaan dari masa ke semasa.

### 11.0 PENYATA AKAUN

11.1 Penyata akaun yang dikeluarkan oleh CBP akan dianggap sah jika tidak dipertikaikan dalam empat belas (14) hari kalender dari tarikh penyata akaun. 11.2 Bagi Pendeposit ASQ tanpa buku simpanan, pihak CBP akan mengeluarkan penyata semi tahunan atau e-penyata melalui e-mel. 11.3 CBP dibolehkan untuk tidak menghantar penyata akaun jika akaun dorman atau tidak aktif bagi tempoh yang ditentukan oleh CBP. CBP juga boleh menghentikan penghantaran penyata akaun jika penyata tidak dituntut atau tidak dapat dihantar atas apa-apa sebab sekalipun.

### 12.0 BUKU SIMPANAN

12.1 CBP tidak akan menyediakan buku simpanan kecuali kepada warga emas (yang berumur 60 tahun dan ke atas). Pendeposit dikehendaki menyimpan buku simpanan dengan cermat dan selamat pada setiap masa. CBP tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kerugian yang berpunca daripada kecuaian Pendeposit di mana orang lain telah berjaya mengeluarkan wang secara penipuan daripada buku simpanan tersebut. 12.2 CBP akan menggantikan dengan buku simpanan yang baru sekiranya buku simpanan telah luntur atau rosak. Pendeposit dikehendaki segera memberitahu pihak CBP secara bertulis sekiranya buku simpanan telah hilang atau musnah. Pihak CBP akan mengeluarkan buku simpanan baru setelah mengemukakan bukti berkenaan dan menandatangani Surat Pelepasan Tanggungan yang diperlukan. 12.3 Pendeposit dikehendaki membawa buku simpanan ke cawangan CBP yang terdekat untuk pengemaskinian sekiranya terdapat urusan tanpa buku simpanan telah dibuat. 12.4 Pendeposit perlu menyimpan buku simpanan dalam keadaan selamat dan dikehendaki dengan segera melaporkan secara bertulis, kehilangan atau kecurian kepada CBP. Penggantian buku simpanan yang hilang hanya akan dikeluarkan selepas CBP menerima Surat Pelepasan Tanggungan yang telah ditandatangani oleh Pendeposit berserta pembayaran caj setem hasil sebanyak RM10 atau sebarang amaun lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh pihak CBP dari semasa ke semasa.

### 13.0 KEBENARAN

13.1 Semua cek, cek jurubank, Sijil Hutang Islam Boleh Niaga, kiriman wang, wang pos, waran dan sebarang surat cara melabur yang tidak laku akan dikembalikan dengan tangan atau melalui pos berdaftar ke alamat Pendeposit yang terakhir yang didaftarkan dengan CBP di atas risiko dan perbelanjaan Pendeposit. Melainkan terdapat kecuaian pada pihak CBP, CBP tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang

## TERMA DAN SYARAT AKAUN SIMPANAN-i QARD

kemasukan atau catatan (entry) yang tidak dibenarkan di dalam akaun Pendeposit. Pendeposit hendaklah berhati-hati semasa memeriksa catatan di dalam akaun dan memaklumkan kepada pihak CBP tentang apa-apa kesilapan, ketaksamaan, percanggahan, tuntutan atau debit tanpa kebenaran atau butiran yang sama ada dibuat, diproses atau dibayar akibat permalsuan, penipuan, tiada kebenaran, kecuaian atau selainnya oleh mana-mana orang sekalipun. Kegagalan oleh Pendeposit untuk memberitahu pihak CBP secara bertulis tentang kegagalan menerima penyata atau gagal memberitahu CBP secara bertulis tentang apa-apa kesilapan, percanggahan, ketaksamaan atau tuntutan, debit atau urusniaga tanpa kebenaran pada penyata dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penyata (sama ada diterima atau tidak oleh Pendeposit), rekod dalam penyata adalah keterangan muktamad bahawa urus niaga yang dinyatakan di dalam penyata tersebut telah dijalankan dengan betul dan Pendeposit dianggap dengan muktamad telah menerima semua perkara yang terkandung di dalam penyata itu sebagai benar dan tepat dalam semua hal. Apa-apa pertikaian tentang urusniaga yang dikemukakan untuk perhatian CBP selepas tempoh empat belas (14) hari tersebut tidak akan dilayan oleh CBP dan CBP tidak akan bertanggungjawab di atas segala kerugian yang ditanggung oleh Pendeposit akibat kecuaian pendeposit.

### 15.0 PEMBAYARAN HIBAH DAN BALASAN MANFAAT

15.1 CBP tidak bertanggungjawab untuk memberikan pulangan atau ganjaran (hibah) atau sebarang bentuk imbalan, faedah, manfaat, hadiah atau bahan galakan samaada dalam bentuk kewangan atau bahan-bahan bukan kewangan atau faedah-faedah perlindungan Takaful kepada Pendeposit yang mempunyai akaun di bawah prinsip Qard dan pendeposit tidak berhak menuntut pulangan atau ganjaran (hibah).

### 16.0 HAK TERHADAP LIEN, TOLAKAN DAN PENAHANAN DANA

16.1 Pendeposit bersetuju bahawa pihak CBP mempunyai hak secara mutlak pada bila-bila masa untuk: (a) Meminta bayaran balik daripada Pendeposit dan/atau mendebit akaun Pendeposit dan/atau melakukan tolakan mana-mana baki di dalam mana-mana akaun Pendeposit untuk apa-apa lebihan bayaran ke dalam mana-mana akaun Pendeposit yang terhasil daripada kesilapan, tidak aturan atau peninggalan, sama ada disebabkan oleh pihak CBP, di dalam proses menjalankan arahan Pendeposit, atau di dalam apa jua keadaan selainnya. (b) Berdasarkan prinsip Syariah Muqassah Melakukan tolakan bagi mana-mana wang di dalam mana-mana akaun Pendeposit termasuk daripada jumlah kredit terhasil daripada dividen syer, keuntungan deposit berjangka, perkongsian keuntungan pelaburan dengan pihak CBP (sama ada matang atau selainnya) dan/atau mana-mana produk pelaburan/deposit dan/atau jumlah yang masih terhutang simpan di dalam mana-mana akaun Pendeposit, bagi melunaskan sebarang liabiliti-liabiliti Pendeposit kepada pihak CBP pada bila-bila masa yang difikirkan perlu oleh CBP. Sekiranya terdapat apa-apa jumlah keberhutangan oleh pendeposit kepada CBP dalam apa-apa kemudahan yang disediakan CBP dan belum dibayar oleh pendeposit, terhutang, dan perlu dibayar oleh Pendeposit, pihak CBP boleh menahan pengeluaran atau menahan daripada melepaskan mana-mana akaun, jumlah baki, dana dan/atau aset Pendeposit. Pihak CBP dibenarkan untuk mencairkan (sama ada pada atau sebelum tarikh matang) mana-mana akaun simpanan, deposit, pelaburan, dan/atau apa jua aset Pendeposit yang dipegang oleh pihak CBP sehingga kesemua wang yang belum dibayar, terhutang, dan perlu dibayar dijelaskan sepenuhnya oleh Pendeposit.

### 17.0 AKAUN TIDAK AKTIF / AKAUN DORMANT / WANG TAK DITUNTUT

17.1 Pendeposit perlu melakukan sekurang-kurangnya satu (1) transaksi dalam tempoh dua (2) tahun. CBP akan mengklasifikasi akaun sebagai dorman jika akaun tidak aktif untuk tempoh 2 tahun dari tarikh transaksi terakhir. 17.2 Mana-mana baki kredit yang ada di dalam ASQ yang tidak beroperasi selama 7 tahun atau lebih akan dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut mengikut Akta Wang Tak Dituntut 1965 (UMA). 17.3 Tertakluk kepada klausula 10.1, caj perkhidmatan tahunan akan dikenakan dan ditolak dari akaun selagi ia kekal tidak aktif. Bayaran perkhidmatan akan dikenakan (potongan secara automatik) sehingga baki yang tinggal melebihi had minima dihantar kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut. 17.4 Tertakluk kepada klausula 10.1, caj perkhidmatan tahunan akan dikenakan dan ditolak dari akaun selagi ia kekal tidak aktif. Bayaran perkhidmatan akan dikenakan (potongan secara automatik) sehingga baki yang tinggal di bawah had minima akan didermakan ke dalam Tabung Infaq dan akaun akan ditutup sertamerta secara automatik.

### 18.0 PEMBEKUAN, PENAHANAN, PENGGANTUNGAN DAN/ATAU PENUTUPAN AKAUN

18.1 Pihak CBP boleh membekukan, menahan, menggantung, menutup dan/atau meletakkan apa-apa tanda lain yang sesuai pada akaun Pendeposit dan menguruskan baki-baki di dalam akaun Pendeposit mengikut budi bicara pihak CBP apabila menerima notis kematian, hilang akal, muflis, dan bankrap atau apabila disampaikan perintah daripada mana-mana mahkamah, pihak berkuasa atau agensi penguatkuasaan, atau sehingga dikemukakan kepada CBP surat kuasa sebagai Pentadbir atau surat kuasa dari pemegang Amanah Raya atau Pesaka Kecil atau Mahkamah atau Pentadbir Hibah atau mengikut pendapat pihak CBP adalah sesuai dan perlu untuk berbuat demikian (yang mana ianya muktamad dan mengikat).

18.2 Pihak CBP juga boleh menutup/ menamatkan akaun tersebut jika berlaku mana-mana perkara berikut: Pendeposit muflis/tidak solven atau di dalam proses penggulungan; atau Deposit cek dipulangkan atau dikembalikan; atau Pendeposit mengeluarkan kesemua amaun yang telah didepositkan atau baki akaun di bawah jumlah minimum yang dibenarkan seperti yang dinyatakan di dalam klausula 9.4; atau Pendeposit melanggar mana-mana peraturan dan syarat-syarat yang telah dipersetujui; atau Pendeposit tidak bersetuju pada sebarang perubahan atau pindaan pada mana-mana terma dan syarat ini, dan peruntukan dibawah Klausula 17.2; atau Arahan mana-mana agensi penguatkuasaan undang-undang; atau Mana-mana keadaan lain yang dirasakan sesuai oleh pihak CBP.

## TERMA DAN SYARAT AKAUN SIMPANAN-i QARD

### 19.0 PEMBAYARAN / ARAHAN TETAP

19.1 Sebarang pembayaran atau pemindahan dana yang akan dibuat atau dilaksanakan selaras dengan arahan tetap yang diberikan kepada CBP adalah tertakluk kepada syarat baki yang mencukupi di dalam akaun dari mana dana tersebut akan dibayar atau dipindahkan sebagaimana, yang akan ditentukan oleh CBP dari semasa ke semasa berdasarkan prinsip Syariah Hiwalah.

### 20.0 TERMA DAN SYARAT TAMBAHAN

20.1 ASQ adalah tertakluk kepada kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh CBP Negara Malaysia dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia dari semasa ke semasa. Pendeposit bersetuju bahawa perkhidmatan pada masa ini dan / atau pada bila-bila masa yang ditawarkan oleh CBP kepada Pendeposit akan bergantung dan tertakluk kepada kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan garis panduan tersebut. 20.2 Tertakluk kepada peraturan dan prinsip Syariah, CBP berhak untuk mengubah mana-mana atau kesemua terma dan syarat pada bila-bila masa. Sebarang perubahan hendaklah dimaklumkan kepada Pendeposit sekurang-kurangnya 21 hari kalendar sebelum tarikh kuatkuasa perubahan tersebut. Notis perubahan boleh dimaklumkan dengan memaparkan notis tersebut di premis CBP atau dalam apa jua bentuk komunikasi yang lain yang difikirkan sesuai oleh CBP. 20.3 Jika terdapat sebarang perubahan pada data peribadi seperti alamat Pendeposit, Pendeposit hendaklah memaklumkan kepada pihak CBP dalam tempoh 14 hari. Ini adalah penting untuk memastikan bahawa semua komunikasi kepada Pendeposit dapat dilaksanakan secara berkesan dan segera. 20.4 Sekiranya mana-mana peruntukan dalam terma dan syarat ini adalah tidak sah, menyalahi undang-undang dan tidak boleh dikuatkuasakan di bawah mana-mana undang-undang atau oleh apa-apa sebab sekilipun, kesahihan dan penguatkuasaan peruntukan-peruntukan yang selebihnya tidak akan terjejas.

### 21.0 PENDEDAHAN MAKLUMAT

21.1 CBP tidak akan mendedahkan data peribadi Pendeposit seperti yang dimaksudkan di dalam PDPA antaranya termasuk alamat, nombor telefon atau alamat e-mel kepada mana-mana pihak luar yang lain daripada pihak yang disenaraikan di bawah ("Pihak-Pihak Dibenarkan") selain daripada untuk tujuan yang berkaitan dengan pengendalian akaun Pendeposit, melainkan jika CBP mendapat kebenaran daripada Pendeposit, atau sama ada terletak di bawah tanggungjawab undang-undang atau apa-apa kewajipan lain untuk berbuat demikian:

a) mana-mana pegawai, pekerja, ejen atau pengarah Kumpulan CBP yang merangkumi syarikat induk CBP, anak-anak syarikat, syarikat-syarikat berkaitan, sekutu, wakil dan pejabat cawangan; b) pihak ketiga yang berkenaan seperti penasihat profesional, rakan perniagaan strategik dan pakatan, penyedia perkhidmatan, syarikat insurans / pengendali Takaful atau insurans / broker Takaful, peniaga, pembekal, rakan niaga dan ejen perniagaan yang menyokong aktiviti operasi CBP dan yang berada di bawah kewajipan undangundang untuk kerahsiaan data anda; c) mana-mana peserta sebenar atau berpotensi atau pemegang serah hak, novatee atau penerima pindahan hak-hak dan / atau kewajipan CBP di bawah apa-apa transaksi antara pihak CBP dan anda (atau mana-mana ejen atau penasihat profesional); d) mana-mana agensi penarafan atau pembekal langsung / tidak langsung perlindungan kredit kepada CBP; e) mana-mana pihak seperti yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang atau mana-mana kerajaan, separa kerajaan, pentadbiran, badan / penyeliaan kawal selia atau pihak berkuasa, mahkamah atau tribunal; f) mana-mana agensi rujukan kredit yang digunakan oleh CBP bagi penilaian kredit atau kajian semula kredit dan pihak-pihak yang berkaitan dengan kemudahan yang disediakan oleh CBP; g) apa-apa agensi rujukan jenayah kewangan, institusi kewangan yang lain dan mana-mana ejen masing-masing; h) mana-mana penjamin atau penyedia cagaran untuk kemudahan anda. 21.2 Pendeposit dengan ini secara nyata bersetuju pendedahan tersebut dan mengesahkan dan mengisyitharkan bahawa terma-terma yang terkandung di dalamnya hendaklah tertakluk kepada Kenyataan Privasi yang berkaitan dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 yang ditandatangani dengan CBP dan sekiranya berlaku apa-apa percanggahan di antara terma yang terkandung di sini dengan terma yang dinyatakan dalam Kenyataan Privasi, terma dan syarat di dalam Kenyataan Privasi akan diguna pakai. 21.3 Pendeposit mengakui bahawa maklumat yang diberikan oleh Pendeposit kepada CBP, termasuk maklumat mengenai Pendeposit dan sebarang akaun yang boleh dilaporkan boleh dikongsi dengan pihak berkuasa cukai negara / bidang kuasa dimana akaun ini diselenggara, dimiliki dan / atau dipertukar dengan mana-mana pihak berkuasa cukai negara / bidangkuasa lain atau negara / negara dimana Pendeposit boleh menjadi pemastautin cukai menurut perjanjian antara kerajaan yang mana CBP mempunyai kewajiban untuk membuat pertukaran terhadap apa-apa maklumat akaun.

### 22.0 ANTI PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN

22.1 Untuk mematuhi undang-undang tempatan, luar negara, peraturan, kod sukarela, arahan, pengakiman atau perintah mahkamah, dan mana-mana pihak berkuasa, pengawal selia atau agensi penguatkuasaan, dasar, amalan yang baik, sekatan atau embargo kerajaan, keperluan laporan di bawah undang-undang dan permintaan mana-mana pihak berkuasa, pengawal selia, tribunal, agensi penguat kuasa, badan pertukaran, pihak CBP boleh:

(i) Melarang untuk memasuki atau menyelesaikan transaksi yang melibatkan individu atau entiti tertentu (contohnya individu atau entiti yang dipersetujui atau dihubungkan dengan atau berurusan dengan (secara langsung atau tidak langsung) mana-mana individu atau entiti yang dikenakan di bawah sekatan ekonomi dan perdagangan yang dikenakan oleh mana-mana pengawal selia di bawah mana-mana bidang kuasa). (ii) Melaporkan transaksi yang mencirikan atau potensi pelanggaran sekatan kepada pihak berkuasa di mana-mana bidang kuasa di mana pihak CBP mungkin perlu memutuskan untuk mendedahkan. Transaksi yang terlibat termasuk yang mungkin: a) melibatkan penyediaan kewangan kepada mana-mana orang yang terlibat atau disyaki terlibat dalam keganasan atau apa-apa tindakan pengganas; b) mempunyai kaitan yang relevan dengan siasatan terhadap suatu undang-undang percuakan atau percubaan yang sebenarnya, penyiasatan atau pendakwaan terhadap seseorang untuk suatu kesalahan terhadap undang-undang yang berlaku; atau c) melibatkan orang atau entiti yang mungkin menjadi subjek sekatan. (iii) Memintas dan menyiasat apa-apa mesej pembayaran dan maklumat atau komunikasi lain yang dihantar kepada atau oleh Pendeposit atau bagi pihak Pendeposit dan boleh melambatkan, menyekat atau enggan membuat apa-apa bayaran dan pemeriksaan pembayaran boleh menyebabkan kelewatan memproses maklumat tertentu. (iv) Mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu, yang merangkumi pembekuan dana, menghalang operasi akaun, menolak permintaan dana dari Pendeposit, tidak memberangkan Pendeposit menggunakan

## TERMA DAN SYARAT AKAUN SIMPANAN-i QARD

produk, atau melambatkan atau membatalkan transaksi. Pihak CBP tidak perlu memberitahu Pendeposit sehingga masa yang munasabah selepas dibenarkan untuk berbuat demikian di bawah undang-undang atau dasar tersebut. Pihak CBP tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian yang timbul daripada apa-apa tindakan yang diambil atau apa-apa kelewatan atau kegagalan oleh pihak CBP, dalam melaksanakan apa-apa kewajipan atau kewajipan lain, yang disebabkan secara keseluruhan atau sebahagiannya dengan apa-apa langkah yang diambil seperti yang dinyatakan di atas. (v) Tidak menerima apa-apa deposit daripada apa-apa wang atau cek dan/atau menbenarkan atau menjalankan apa-apa transaksi lain termasuk pengeluaran wang berkenaan dengan akaun Pendeposit termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa pemindahan dan pemindahan telegraf wang dari atau ke akaun Pendeposit jika pihak CBP mempunyai sebab untuk menerima atau dimaklumkan oleh pihak ketiga atau pihak berkuasa yang berkaitan bahawa akaun Pendeposit digunakan atau terlibat dalam penipuan, penipuan yang berpotensi, jenayah kewangan, aktiviti haram, permintaan skim pelaburan kewangan haram, pengubahan wang haram atau pembentukan keganasan aktiviti-aktiviti. Pihak CBP juga hendaklah (tertakluk kepada tahap yang dibenarkan oleh undang-undang), berhak untuk menutup, membekukan atau sebaliknya berurusan dengan akaun yang mana difikirkan sesuai.

### 23.0 ARAHAN

23.1 Sebarang arahan daripada Pendeposit kepada CBP berkenaan dengan ASQ hendaklah dibuat secara jelas dan bertulis dan ditandatangani oleh Pendeposit. Arahan-arahan tersebut hanya berkuatkuasa apabila diterima oleh pihak CBP dan tanpa sebarang penjelasan lanjut daripada Pendeposit.

### 24. PEMATUHAN SYARIAH

24.1 Pendeposit dengan ini bersetuju akan sentiasa bertanggungjawab untuk memperakui dan membuat deklarasi dengan sepenuh kejujuran bahawa status latarbelakang sumber kewangan atau perniagaan pendeposit adalah diyakini oleh pendeposit harus pada prinsip Syariah **atau** tidak pernah menyedari atau difahamkan ada melibatkan seratus peratus aktiviti tidak patuh Syariah **atau** tidak pernah menyedari melibatkan aktiviti bercampur antara Halal dan Haram pada tandaarsa yang diketahui. 24.2 Pendeposit dengan ini bersetuju akan sentiasa bertanggungjawab untuk memperakui dan membuat deklarasi dengan sepenuh kejujuran dana yang didepositkan kepada CBP dari masa ke semasa adalah bukan bersumberkan seratus peratus dana tidak patuh Syariah daripada aktiviti-aktiviti berkaitan riba, aktiviti berkaitan perjudian, aktiviti melibatkan arak dan alkohol, melibatkan penernakian dan produksi produk berasaskan khinzir, aktiviti berkaitan pelacuran dan maksiat, aktiviti berkaitan pornografi, penyeludupan senjata, penyalahgunaan dadah, aktiviti keganasan serta lain-lain aktiviti-aktiviti haram dari sudut prinsip Syariah dan undang-undang yang ditafsirkan dan ditentukan oleh Jawatankuasa Syariah CBP serta Majlis Penasihat Syariah oleh Badan-badan pengawalselia atau pihak berkuasa. 24.3 Pendeposit dengan ini memahami dan bersetuju bahawa CBP mesti menguruskan deposit atau sumber kewangan daripada sumber dana yang harus dengan kaedah patuh Syariah pada setiap masa. Justeru itu CBP mempunyai hak sepenuhnya untuk menolak deposit dan memulangkannya pada bila-bila masa kepada pendeposit tanpa sebarang pulangan keuntungan jika CBP diberi tahu atau mendapat tahu atau difahamkan oleh pendeposit atau melalui maklumat pihak ketiga bahawa terdapat unsur-unsur risiko tidak patuh Syariah atau risiko reputasi Syariah.

### 25.0 UNDANG-UNDANG

25.1 Terma-terma dan syarat-syarat ini akan ditadbir oleh atau tertakluk kepada undang-undang Malaysia dan Mahkamah Malaysia mempunyai bidangkuasa eksklusif untuk sebarang pertikaian berkenaan dengan Terma dan Syarat ini.

## PERAKUAN PENDEPOSIT

Saya/ kami pendeposit dengan ini memperakui dengan sejurnya bahawa kami telah memahami semua terma dan syarat yang dinyatakan di atas serta mempersetujui dan tidak mempunyai sebarang bantahan dengan peraturan yang ditetapkan oleh CBP dalam Akaun Simpanan Qard-i ini. Saya / kami juga dengan ini bersetuju tanpa boleh batal untuk melepaskan CBP daripada sebarang bentuk tanggungan dan/atau dakwaan kecuali atas peranan serta tanggungjawab CBP yang dinyatakan dalam terma dan syarat ini.

## SIGHAH AKAD QARD

### **Lafaz Akad (Ijab oleh pendeposit)**

Saya / Kami sebagai pendeposit (pemberi Qard) dengan ini bersetuju memeteri kontrak Qard ini dengan CBP tertakluk kepada perincian rukun-rukun dan syarat akad yang telah dinyatakan dalam terma dan syarat di atas tertakluk kepada prinsip-prinsip Syariah.

Tandatangan Pendeposit  
(NAMA PENANDATANGAN BERKUASA)

Tarikh

| KEGUNAAN OLEH CBP SAHAJA  |  |
|---|--|
| <p><b>Lafaz Akad (Qabul oleh CBP)</b></p> <p>Bagi pihak CBP sebagai penerima deposit (penerima Qard) dengan ini bersetuju memeteri kontrak Qard dengan pendeposit yang dinyatakan tertakluk kepada perincian rukun-rukun dan syarat akad yang telah dinyatakan dalam terma dan syarat di atas tertakluk kepada prinsip-prinsip Syariah.</p> | <p>Cawangan :</p> <p>No Akaun :</p> <p>Jenis kod produk :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Akaun Simpanan-i Qard (Kod Asas)</li> <li><input type="checkbox"/> Akaun Simpanan-i Qard Junior (sub-kod)</li> </ul> <p>Tujuan akaun :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Deposit Sekuriti (FSRA)</li> <li><input type="checkbox"/> Pengeluaran Pembiayaan</li> <li><input type="checkbox"/> Akaun 'designated'</li> <li><input type="checkbox"/> Tujuan lain-lain (sila nyatakan)</li> </ul> |
| <p>.....</p> <p>Tandatangan Pegawai CBP<br/>(NAMA)<br/>(COP)</p>  | <p>.....</p> <p>Tarikh</p>   |